Wong Chong Sang lwn Nga Kor Ming & Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PETISYEN PILIHANRAYA NO 26–3 TAHUN 2004
14 OKTOBER 2004
WAN ADNAN MUHAMAD H

Pilihan raya — Petisyen – Borang Pencalonan — Kesilapan dalam kandungan yang diisi oleh pencalon — Sama ada kertas pencalonan boleh ditolak — Sama ada kecacatan pada kertas pencalonan boleh diselamatkan — Sama ada kesilapan menjadikan pilihan raya terbatal — Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981, per 4(6A)(c) dan 28

Responden pertama telah tersilap dalam mengisi salah satu dari tiga kertas pencalonan dengan meletakkan perkataan 'Perak' pada ruang yang sepatutnya diisi 'N 37 Pantai Remis'. Menyedari kesilapan tersebut, pempetisyen telah mengemukakan bantahan kepada responden kedua. Bantahan ini ditolak. Responden pertama kemudiannya membuat pembetulan kepada kertas tersebut walaupun permohonannya untuk membuat pembetulan ditolak oleh responden kedua. Pempetisyen kemudiannya membuat bantahan kedua iaitu pembetulan yang dibuat oleh responden pertama di luar had masa pembetulan. Namun begitu bantahan ini juga ditolak oleh responden kedua. Responden pertama telah menang di dalam pilihan raya tersebut. Pempetisyen memfailkan petisyen memohon relif mahkamah untuk satu perisytiharan bahawa pilihan raya bagi bahagian Pilihan Raya N 37, Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan sebagai tidak sah serta responden pertama diisytiharkan tidak terpilih atau pemilihannya terbatal.

Diputuskan, menolak petisyen:

(1) Dengan adanya per 4(6A)(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 ('PPPR'), kertas pencalonan tidak boleh lagi ditolak jika kawasan yang hendak ditandingi dapat dikenal pasti dari butir-butir lain dalam kertas pencalonan, seperti antara lain, nama pencadang dan penyokong, nombor resit. Oleh yang demikian, responden kedua tidak boleh menolak kertas pencalonan responden pertama (lihat perenggan 67).

(2) Penerimaan kertas pencalonan responden pertama oleh responden kedua dengan menolak bantahan pempetisyen adalah selaras dengan kehendak per 4(6A) dan 28 PPPR. Bantahan pertama pempetisyen tidak terjatuh di bawah mana-mana sub-per 7(a) hingga (d) PPPR (lihat perenggan 68 dan 69)

(3) Pempetisyen gagal menunjukkan budi bicara yang digunakan oleh responden kedua berlawanan dengan peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan Peraturan Pilihan Raya. Maka dengan itu, penolakkan bantahan-bantahan pempetisyen adalah wajar dan selaras dengan peruntukan per 4(6A) dan 28 PPPR. Kesilapan mengisi borang pencalonan dibaiki oleh kewujudan peraturan berkenaan (lihat perenggan 70); *Norbert*

Choong Kai Chong & Anor v Mohd Idris bin Hj Ibrahim & Anor [1980] 1 MLJ 316 dibezakan.

(4) Malahan jika sekiranya ketiga-ketiga kertas pencalonan silap diisi sekalipun bersabit kod kawasan oleh responden pertama, jika kawasan boleh dikenal pasti oleh responden kedua daripada maklumat lain dalam borang-borang tersebut seperti kepastian mengenai status pencadang dan penyokong, per 4(6A) boleh menyelamat kecacatan kertas-kertas tersebut (lihat perenggan 70).

(5) Keputusan yang dibuat responden kedua adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah kecuali terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan-peraturan pilihan raya dan ketidakpatuhan ini telah menjejaskan keputusan pilihan raya. Malah daripada keterangan pempetisyen, tidak terdapat bukti yang menunjukkan bahawa dengan penolakan bantahan, ia boleh menjejas keputusan pilihan raya (lihat perenggan 78).

[**English summary**

The first respondent had wrong filled up one of the three nomination papers by inserting the word 'Perak' in the space when it was supposed to be 'N 37 Pantai Remis'. Realizing the error, the petitioner raised an objection to the second respondent. This objection was rejected. The first respondent then corrected the error on the nomination paper even though his application to amend was refused by the second respondent. Petitioner raised another objection stating that the amendment was made by the first respondent outside the period allowed for amendment. However, the objection was also rejected by the second respondent. The first respondent won the election. Petitioner failed a petition seeking a declaration of the court that the election for the election area N 37, Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan was void and the first respondent to be declared not elected or for his election to be void.

Held, dismissing the petition:

(1) Pursuant to reg 4(6A)(c) of the Election Rules (Conduct of Elections) 1981 ('the Rules'), nomination papers could not be rejected as the area to be contested would be identified from the other particulars in the nomination paper, *inter alia*, the name of the proposer and the seconder, the receipt number. Therefore, the second respondent could not reject the first respondent's nomination papers (see para 67).

(2) The second respondent's acceptance of the first respondent's nomination paper by rejecting the objection of the petitioner was in accordance with regs 4(6A) and 28 of the Rules. The objection of the petitioner did not fall within the ambit of sub-reg 7(a) to (d) of the Rules (see paras 68 and 69).

(3) The petitioner failed to show that the discretion exercised by the second respondent was in contrary to the provisions of Election Offences Act 1954 and Election Rules, and therefore, the second respondent's dismissals with regards to the petitioner's objection was reasonable and in accordance to the provisions of regs 4(6A) and 28 of the Rules. The error in filling in the nomination papers could be ratified by the said regulation (see para 70); *Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohd Idris bin Hj Ibrahim & Anor* [1980] 1 MLJ 316 distinguished.

(4) In fact, even if all the three nomination papers were wrongly filled up by the first respondent in relation to the area code, if the area could be identified from the other information in the nomination paper such as the status of the proposer and the seconder, reg 4(6A) could rectify the flaw in the said papers (see para 70).

(5) The decision of the second respondent was final and could not be questioned by the courts except if the election regulations has not been complied with and the non-compliance would be prejudicial to the outcome of the election. From the evidence of the petitioner, there was no evidence to prove that by rejecting the objections, it was prejudicial to the election result (see para 78).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen pilihan raya, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan-perenggan 1889–1950

Kes-kes yang dirujuk

Ang Thye Chin v Chua Kow & 2 lagi [1996] 1 CLJ 49 (dirujuk)
Chiew Chiu Sing v Datuk Celestine Ujang dan Sulaiman Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer (Malaysian Election Laws Vol 3, ms 1762) (dirujuk)
Hussein bin Ahmad v Tengku Razaleigh Hamzah [1995] Case No 92 Tunku Sofea Jewa's Malaysian Election Laws, ms 1550 (dirujuk)
Isahak Hamid v Mustapha [1965] 2 MLJ 18 (dirujuk)
Mohamed Jaafar v Sulaiman & Anor [1970] 1 MLJ 18 (dirujuk)
Morgan v Simpson [1974] 3 All ER 722 (dirujuk)
Muib bin Talib v Dato' James Wong, Wan Hamid bin Tunku v Francis Loke [1971] 1 MLJ 246 (dirujuk)
Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohd Idris bin Hj Ibrahim & Anor [1980] 1 MLJ 316 (dibezakan)
Queen v Tugwell (1868) LR 3 QB (dirujuk)
Soon Kong Meng v Lee Thye [1995] 3 MLJ 544 (diikuti)
Sulaiman bin Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer & 2 Ors Case 114 of Tunku Sofea Jewa's Malaysian Election Laws, ms 1550 (dirujuk)
Tanjong Puteri Johore State Election Petition, Re [1988] 2 MLJ 111 (dirujuk)

A *Tg Nawawi bin Tengku Ab Kadir lwn Lokman Muda & Lagi* [1996] 1 CLJ 551 (dirujuk)
Wan Hamid bin Tunku Surur v Francis Loke [1971] 1 MLJ 246 (dirujuk)
Yap Choon Kong & Ors v The Returning Officer Kluang & Ors [1962] MLJ 19 (dirujuk)
Yusoff bin Abdul Latib v Haji Adnan bin Haji Ramli & Anor [1992] 1 MLJ 297 (diikuti)

B

Undang-undang yang dirujuk

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981, per 4(4)(d), 4(6), (6A), (c), (d), 7, (1)(b), 28(1), (2), (3)

C Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, ss 32(b), 35(c) 36

Dato' Mohammad Shafee Abdullah (Tay Hock Kee & Tan Kim Lee bersama beliau) (Shafee & Co) bagi pihak pempetisyen.
Chan Kok Keong (Nga Hock Cheah & Ngeh Koo Ham bersama beliau) (Ngeh & Co) bagi pihak responden pertama.

D *Amarjeet Singh (Narima Morris & Anita Marie Fernandez bersama beliau) Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak responden-responden kedua dan ketiga*

WAN ADNAN MUHAMAD H:

E **[1]** Petisyen Pilihan Raya ini telah dikemukakan oleh Wong Chong Sang (pempetisyen) iaitu calon Parti Barisan Nasional di bawah peruntukan s 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Pempetisyen telah tewas kepada Nga Kor Ming (responden pertama), calon Parti Democratic Action Party (DAP) dalam Pilihan Raya Umum yang diadakan pada 21 Mac 2004 bagi kawasan N 37, Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan. Responden pertama berjaya dalam pertandingan tersebut dengan kelebihan undi sebanyak 2,178 undi seperti diwartakan di bawah PU (B) 184 bertarikh 12 April 2004.

F

[2] Disamping responden pertama, pegawai pengurus bahagian pilihan raya N 37 Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan (responden kedua) dan suruhanjaya pilihan raya Malaysia (responden ketiga) juga dinamakan sebagai pihak dalam petisyen tersebut.

G

[3] Dalam petisyen tersebut, pempetisyen mendakwa bahawa kertas pencalonan responden pertama tidak lengkap, pembetulan ke atas kertas pencalonan dibuat oleh responden pertama di luar masa yang ditetapkan dan responden kedua menolak bantahan-bantahan bertulis pempetisyen yang dibuat di bawah peruntukan per 7 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 (PPPR).

H

[4] Melalui petisyen tersebut pempetisyen memohon relif mahkamah supaya suatu perisytiharan bahawa pilihan raya bagi bahagian pilihan raya N 37 Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan sebagai tidak sah serta responden pertama diisytiharkan tidak terpilih atau pemilihannya terbatal. Justeru itu, pempetisyen hendaklah diisytiharkan sebagai calon yang berjaya bagi kawasan N 37 tersebut.

I

Di samping itu juga pempetisyen memohon diperakui kesalahan-kesalahan bagi pihak-pihak terlibat di bawah peruntukan s 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('Akta 1954'). A

[5] Terlebih dahulu bagi mendapat gambaran jelas saya perturunkan latar belakang kes ini seperti berikut: B

[6] Pada hari penamaan calon iaitu 13 Mac 2004, responden pertama telah mengemukakan kertas pencalonan beliau dalam tiga salinan asal. Bersama-sama dengan kertas pencalonan, responden pertama juga menyerahkan dokumen-dokumen berikut bagi tujuan pencalonan tersebut:

(a) Borang Sumpah Kerahsiaan (Eks AB 1 muka surat 4) C

(b) Borang 5A Akuan Berkanun (Eks AB 1 muka surat 5)

(c) Resit Bayaran Deposit Pilihan Raya N 37 Pantai Remis (Eks AB 1 muka surat 12)

(d) Resit Bayaran Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya N 37 Pantai Remis (Eks AB 1 muka surat 12) D

(e) Surat Kebenaran Menggunakan Simbol Parti DAP (Eks AB 1 muka surat 13)

[7] Dua salinan kertas pencalonan responden pertama dipamerkan di luar dewan penamaan calon untuk tatapan oleh orang ramai. Kedua-dua kertas pencalonan tersebut adalah sempurna kerana diisi dengan tepat dan tidak mempunyai sebarang kecacatan. Pempetisyen tidak mempertikaikan kesempurnaan kertas-kertas pencalonan tersebut. Manakala, satu salinan yang dipamerkan di dalam dewan (Eks D1A) terdapat kesilapan kerana untuk ruang 'Bahagian Pilihan Raya Negeri' yang sepatutnya dicatit 'N 37 Pantai Remis' telah dicatit sebagai 'Perak'. E F

[8] Setelah melihat kesilapan tersebut, pempetisyen mengemukakan bantahan kepada pegawai pengurus pilihan raya (responden kedua). Sementara itu, responden pertama yang menyedari kesilapan tersebut, memohon kebenaran daripada responden kedua untuk membuat pembetulan ke atas borang tersebut tetapi tidak dibenarkan. Namun begitu responden pertama telah membuat pembetulan dengan menulis perkataan 'N 37 Pantai Remis' pada kertas pencalonan yang dimaksudkan itu. Pempetisyen yang menyedari perkara ini lalu membuat bantahan kedua iaitu berkaitan tindakan responden pertama membuat penambahan perkataan atau pembetulan kesilapan di atas borang pencalonan. Kedua-dua bantahan ini telah ditolak oleh pegawai pengurus pilihan raya. G H

[9] Dalam perbicaraan petisyen, pihak pempetisyen telah mengemukakan seorang saksi sahaja iaitu pempetisyen sendiri (SP1). Keterangan SP1 berkisar peristiwa bagaimana responden pertama telah membuat pembetulan ke atas I

kertas pencalonan beliau yang dipamerkan di dalam dewan pencalonan, walaupun tidak mendapat kebenaran responden kedua. SP1 dalam keterangannya mendakwa responden pertama menambah perkataan 'N 37 Pantai Remis' di ruang 'Bahagian Pilihan Raya' yang telah pun diisi dengan perkataan 'Perak' sahaja. Beliau juga mendakwa bahawa pembetulan dibuat oleh responden pertama di luar had masa pembetulan dibenarkan.

[10] SP1 dalam keterangannya menyatakan bahawa dengan melihat kertas pencalonan yang di dalam dewan, beliau tidak dapat pastikan siapa lawannya di kawasan N 37. Beliau menyatakan beliau tidak tahu responden pertama adalah lawannya, walaupun responden pertama adalah lawan tradisinya. Beliau menafikan bahawa walaupun beliau berjabat tangan dengan responden pertama selepas penamaan, beliau tidak tahu responden pertama adalah lawannya.

[11] SD1 dalam keterangannya berkata, beliau mengambil bahagian dalam pilihan raya pada 2 Mac 2004 sebagai calon DAP bagi kawasan N 37 Pantai Remis. SD1 mengakui membuat penambahan kepada kertas pencalonan (Eks D1A) walaupun tidak mendapat kebenaran SD2. Mengikut SD1 di bawah peraturan 4(6A)(d) PPPR beliau dibenarkan membuat pembetulan bagi peninggalan (to correct an omission). Tindakan beliau meminta kebenaran hanyalah sebagai tanda hormat. SD1 mengesahkan penyokong dan pencadang beliau adalah pemilih berdaftar kawasan Pantai Remis.

[12] Keterangan SD2 ialah mengenai peristiwa penamaan calon, bantahan dan penolakan bantahan. SD2 adalah pegawai pengurus pilihan raya ('RO') bagi N 37 dan dinamakan responden kedua dalam petisyen ini. Semasa bertugas sebagai RO bagi N 37, beliau menerima kertas pencalonan dari responden pertama bersama dengan dokumen lain seperti Borang Sumpah (AB1 ms 4), Akuan Berkanun (AB1 ms 5), dua keping resit deposit pilihan raya untuk kawasan N 37 Pantai Remis (AB1 ms 12) dan tiga keping kad pengenalan kepunyaan beliau, penyokong dan pencadang untuk semakan. SD2 menyatakan jika resit deposit tidak diserahkan, beliau tidak akan menerima kertas pencalonan. Beliau mengesahkan kedua-dua pencadang dan penyokong atas kertas pencalonan responden pertama tersenarai dalam daftar pemilih seperti di bilangan 4882 (AB1 ms 6C) dan bilangan 1258 (AB1 ms 7C) di mana mereka adalah pengundi kawasan N 37.

[13] SD2 mengesahkan ada menerima dua bantahan daripada SP1. Selepas masa bantahan tamat, beliau membuat rujukan kepada pejabat pilihan raya di Ipoh untuk mendapat nasihat. Selepas mendapat pandangan dari SPR, SD2 menolak kedua-dua bantahan tersebut. Berkaitan bantahan pertama (AB1 ms 8) iaitu perbuatan meminda borang kertas pencalonan, ia adalah terhadap responden pertama dan tidak terhadap apa-apa yang dinyatakan dalam kertas pencalonan. Bagi bantahan kedua pula (AB1 ms 9) tidak menyatakan peruntukan undang-undang yang dilanggari oleh responden pertama. SD2 memberi alasan kenapa bantahan ditolak seperti di dalam eks AB1 ms 10. Mengikut SD2, bantahan

pertama tidak memberi kesan kepada kedudukan calon dan bantahan kedua tidak menjejaskan calon bertanding. Beliau cuma meminta nasihat dan pandangan SPR tetapi keputusan dibuat oleh beliau.

[14] SD2 juga menjelaskan bahawa beliau boleh mengenal pasti kawasan pilihan raya responden pertama berdasarkan kertas pencalonan AB1 ms 1, 2, 3 bersama AB1 ms 4 dan AB1 ms 12 (resit deposit) dan beliau tidak ada keraguan responden pertama adalah calon untuk kawasan N 37 Pantai Remis. SD2 dalam keterangan menyatakan bahawa bantahan terhadap kertas pencalonan hanya boleh dibuat di bawah peruntukan peraturan 7 PPPR. Menurutnya adalah kehendak undang-undang bahawa pencadang dan penyokong kepada calon hendaklah merupakan pengundi-pengundi berdaftar di kawasan di mana seseorang calon yang dicadangkan dan disokong bertanding.

[15] SD3 ialah pegawai pilihan raya, Perak. Beliau mengesahkan SD2 ada menyerahkan kertas pencalonan asal kepada beliau selepas penamaan calon. Kesemua borang tersebut masih dalam simpanan beliau kemudiannya dikemukakan di mahkamah.

[16] SD4 adalah penolong pegawai pengurus pilihan raya bagi kawasan N 37 pada hari penamaan calon. SD4 mencatitkan nombor resit pada kertas pencalonan, SD4 mengesahkan beliau membuat catitan nombor resit pada kertas pencalonan responden pertama.

[17] Di dalam penghujahan bertulis peguam pempetisyen mendakwa pegawai pengurus pilihan raya (SD2) telah melakukan kesalahan dan kesilapan apabila gagal mengesan kod kawasan tidak dicatit atas salah satu dari tiga helai kertas pencalonan. Beliau menghujahkan SD2 tidak sepatutnya menolak kedua-dua bantahan pempetisyen iaitu mengenai ketiadaan kod kawasan pilihan raya dan penambahan kod kawasan oleh responden pertama dalam masa bantahan. Mengikutnya perbuatan responden pertama adalah menyalahi undang-undang.

[18] Selain menyatakan SD2 tidak mahir dalam tugas beliau, peguam pempetisyen mendakwa yang SD2 mencampur adukkan alasan untuk kedua-dua bantahan. (Sila lihat AB1 ms 10). Sepatutnya alasan diberi untuk setiap satu bantahan.

[19] Selanjutnya peguam pempetisyen berhujah bahawa SD2 sepatutnya menolak kertas pencalonan responden pertama kerana tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang menghendaki setiap kertas pencalonan hendaklah mempunyai butiran yang tepat dan jika salah satu dari tiga kertas pencalonan tidak tepat ia adalah cacat yang tidak boleh dipulihkan. Tegas beliau undang-undang pilihan raya adalah ketat dan SD2 tidak berhak menolak bantahan pempetisyen dan sepatutnya pempetisyen diisytihar sebagai calon yang menang tanpa bertanding. Peguam pempetisyen menyatakan SD2 tidak boleh lihat lain-lain dokumen melainkan kertas pencalonan yang tidak tepat itu sahaja untuk kenal pasti kawasan pilihan raya.

[20] Di dalam mengutarakan penghujahan beliau, peguam pempetisyen menyandarkan asas hujah kepada kes *Norbert Choong Kai Chong & Anor v Mohd Idris bin Hj Ibrahim & Anor* [1980] 1 MLJ 316 di samping kes-kes lain seperti kes *Morgan v Simpson* [1974] 3 ALL ER 722, *Re Tanjong Puteri Johore State Election Petition* [1988] 2 MLJ 111, *Queen v Tugwell* (1868) LR 3 QB. Beliau menyatakan bahawa kes *Norbert Choong Kai Chong* mempaparkan prinsip undang-undang yang betul dan masih terpakai. Dalam kes tersebut Harun Hashim HMT (ketika itu) telah memutuskan jika salah satu dari tiga kertas pencalonan tidak tepat, maka pencalonan hendaklah ditolak.

[21] Peguam pempetisyen menyeru mahkamah supaya tidak mengikuti keputusan kes-kes seperti *Sulaiman bin Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer & 2 Ors* Case 114 of Tunku Sofea Jewa's Malaysian Election Laws, pg 1550; *Yusoff bin Abdul Latib v Haji Adnan bin Haji Ramli & Anor* [1992] 1 MLJ 297 yang menyimpang dari prinsip-prinsip kes *Norbert Choong Kai Chong*. Beliau membuat perbezaan kes-kes sandarannya dengan kes-kes yang saya sebut di atas.

[22] Mengikut peguam Pempetisyen kes *Sulaiman bin Pengiran Atok* berbeza kerana hanya tandatangan responden, pencadang dan penyokong sahaja yang tidak diturunkan atas kertas pencalonan tetapi dalam kes bicara kod kawasan tidak dicatit dengan betul. Beliau berhujah kawasan pilihan raya dapat di kenal pasti dalam kes *Sulaiman bin Pengiran Atok* sedangkan kes bicara kawasan pilihan raya tidak dapat dikenal pasti bila seseorang lihat kertas pencalonan responden pertama yang dipamerkan di dalam dewan.

[23] Manakala bagi kes *Yusoff bin Abdul Latib (suipra)* dihujahkan beliau bahawa Mohd Dzaiddin Abdullah HMT (ketika itu) salah arah bila tidak mengikuti prinsip yang lazim dalam kes pilihan raya apabila menerima kertas pencalonan walaupun tidak tepat dan memberi kebenaran kepada RO untuk melihat kepada perkara lain di luar kertas pencalonan untuk menentukan kawasan yang ditandingi.

[24] Pada pendapat saya hujah pihak pempetisyen bolehlah dirumuskan seperti berikut:-

(1) setiap salinan kertas pencalonan, yang dikemukakan dalam tiga salinan, mesti diisi dengan betul. Kesilapan dalam satu salinan tidak dapat dipulihkan oleh kesempurnaan dua salinan lain;

(2) kegagalan menyatakan kod dan nama kawasan yang ingin ditandingi adalah kesilapan substantif dan mengakibatkan borang pencalonan menjadi defektif. Kertas pencalonan yang defektif menyebabkan pencalonan mesti ditolak;

(3) Penolakan pencalonan responden pertama menyebabkan pempetisyen yang diterima pencalonannya di-isytiharkan sebagai calon yang dipilih kerana ini adalah pertandingan satu lawan satu.

[25] Di sebaliknya peguam responden pertama pula berhujah bahawa responden kedua bertindak dengan betul bila menerima kertas pencalonan responden pertama. la adalah dalam bidang kuasa beliau sebagai pegawai pengurus pilihan raya. Di dalam menerima kertas pencalonan, pegawai pengurus pilihan raya boleh menjalankan budi bicara di bawah per 4(6A) dibaca bersama peraturan 7(1)(b) PPPR 1981. Responden kedua boleh mengenal pasti kawasan yang ingin ditandingi responden pertama dari resit bayaran deposit yang dicopkan di atas kertas penamaan (AB1 ms 12). Begitu juga perkara ini dapat dipastikan dengan melihat kepada nama pencadang dan penyokong di mana kedua-dua mereka mestilah pengundi berdaftar kawasan yang hendak ditandingi calon di dalam kertas pencalonan. Perkara ini ditetapkan di bawah peraturan 4(4)(d) PPPR.

[26] Peguam Responden pertama bersandarkan kes *Sulaiman bin Pengiran Atok*.

[27] Kes tersebut diputuskan selepas pindaan dibuat kepada peraturan 4 yakni dengan memasukkan perenggan 6. Manakala kes *Norbert Choong Kai Chong* diputuskan sebelum pindaan.

[28] Dengan pindaan kepada peraturan 4 iaitu sub-perenggan 6A yang berbunyi seperti berikut:-

> (6A) Notwithstanding subregulation (6), a nomination paper shall not be rejected on account of —
>
> (c) any error or omission with regard to any place specified in the nomination paper, if such place is otherwise sufficiently identifiable from the particulars given in the nomination paper

[29] Peruntukan ini menurut peguam responden pertama menguatkan lagi budi bicara yang diberi kepada pegawai pengurus pilihan raya (SD2) untuk tidak mengambil kira kesilapan-kesilapan yang berbentuk teknikal.

[30] Satu lagi kes yang disandarkan oleh peguam responden pertama ialah kes *Yusoff bin Abdul Latib* di mana fakta adalah sama dengan kes ini malah lebih serius lagi kerana ketiga-tiga borang pencalonan tidak dicatitkan bahagian pilihan raya negeri. Tempat yang sepatutnya ditulis 'Permatang Pauh' tetapi ditulis dengan 'Pulau Pinang'.

[31] Seterusnya peguam responden pertama berhujah bahawa responden kedua tidak salah bila menolak bantahan pertama pempetisyen iaitu:

> Calon Nga Kor Ming meminda maklumat kertas penamaan Borang 4A pada 10.40 pagi melanggar peraturan 6(3) dalam peraturan 2 Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 adalah tidak termasuk dalam skop peraturan 7 PPPR. Bantahan hanya boleh dibuat atas alasan yang dinyatakan di bawah peraturan ini sahaja. Walau bagaimanapun peruntukan 7(1)(b) menyatakan tiada bantahan boleh dibuat sekiranya perkara tersebut disebabkan oleh peraturan 4(6A), kertas pencalonan tidak boleh ditolak. Peraturan 7 berbunyi seperti berikut:

7 (1) objection may be made to a nomination paper by any person whose name appears in the electoral rolls for the constituency and by any candidate for the constituency on all or any of the following ground but on no other ground, namely:

(a) that the particulars of the candidate are insufficient to identify the candidate;

(b) that the nomination paper does not comply with or was not delivered in accordance with these regulations.

Provided that no objection shall be made under this paragraph in respect of any matter which, by virtue of sub-regulation 4(6A), does not render a nomination paper liable to be rejected.

[32] Peraturan 4(6) dan 4(6A) berbunyi:

(6) Failure to comply with sub-regulation (3),(4) or (5) shall render the nomination paper liable to be rejected by the returning officer.

(6A)Notwithstanding sub-regulation (6), a nomination paper shall not be rejected on account of

(a) any error or omission in the nomination paper in relation to the description of, or any particulars in respect of (i) the candidate; or (ii) his proposer or seconder, if the particulars contained in the nomination paper are sufficient to identify the candidate or his proposer or seconder, as the case may be;

(b) any omission in stating the candidate's name or names to be printed on the ballot paper;

(c) any error or omission with regard to any place specified in the nomination paper, if such place is otherwise sufficiently identifiable from the particulars given in the nomination paper;

(d) any error or omission which is capable of being corrected and is corrected upon being brought to the attention of the person presenting the nomination paper; or

(e) any clerical or printing error in the nomination paper if the error is not of any material significance or does not affect

(i) the identification of the candidate, his proposer or seconder; or

(ii) the identification of the constituency in respect of which the nomination paper is delivered.

[33] Peguam responden pertama seterusnya berhujah jika perbuatan responden pertama adalah tidak mengikut apa saja arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh responden kedua, perkara ini tidak membatalkan proses pilihan raya yang ditandingi dengan wajarnya oleh kedua-dua pihak.

[34] Manakala mengenai bantahan kedua pempetisyen seperti berikut: **A**

> Kesalahan nama kawasan pilihan raya yang sepatutnya 'A/37 Pantai Remis' ditulis sebagai 'Perak'

[35] Peguam responden pertama berhujah bahawa SD2 telah menjalankan budi bicara beliau dengan betul dan saksama sejajar dengan peruntukan peraturan 4(6A) PPPR 1981 untuk tidak menolak kertas pencalonan responden pertama. Walau apa sekalipun, bantahan kedua pempetisyen juga tertakluk kepada pengecualian (proviso) peraturan 7(b) PPPR kerana berdasarkan peraturan tersebut kertas pencalonan itu tidak patut ditolak. **B**

[36] Seterusnya dihujahkan oleh peguam responden pertama bahawa pilihan raya kawasan N 37 Pantai Remis telah dijalankan mengikut undang-undang dan pempetisyen gagal membuktikan ia dijalankan tanpa mengikut undang-undang berkaitan pilihan raya. Jika ia tidak dijalankan mengikut undang-undang pilihan raya sekalipun, pempetisyen gagal membuktikan bahawa ketidakpatuhan kepada undang-undang pilihan raya berkenaan boleh menjejaskan keputusan pilihan raya kawasan tersebut. Sandaran utama penghujahan ini adalah kes *Ang Thye Chin v Chua Kow & 2 lagi* [1996] 1 CLJ 49. Selain itu kes-kes lain yang disebutkan adalah *Isahak Hamid v Mustapha* [1965] 2 MLJ 18*; Yap Choon Kong & Ors v The Returning Officer Kluang & Ors* [1962] MLJ 19*; Sulaiman bin Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer & 2 Ors; Tg Nawawi bin Tengku Ab Kadir @ T Putera lawan Lokman bin Muda & 2 lagi* [1996] 1 CLJ 551. **C** **D** **E**

[37] Berkaitan isu perisytiharan yang ingin dipohon oleh pempetisyen bahawa beliau diisytiharkan sebagai calon yang dipilih, peguam responden pertama menghujahkan bahawa permintaan ini adalah di luar skop s 35 Akta 1954. Memandangkan relif yang dipohon adalah di bawah perenggan (c) yang telah dimansuhkan oleh Parlimen melalui Akta A 1177, maka permohonan sedemikian tidak boleh dibenarkan. Tambahan pula nota penjelasan (explanatory note) berkaitan pindaan ini amat terang sekali maksudnya. Dengan pindaan yang dicadangkan pempetisyen tidak boleh lagi menuntut perisytiharan bahawa seseorang calon telah dipilih dengan sewajarnya dan diisytiharkan sebagai pemenang. Kes parlimen Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini tidak sama dengan kes bicara kerana dalam kes tersebut kesilapan pegawai memang diakui dalam penjumlahan undi dan penghakiman dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak di mana calon Barisan Nasional diumumkan sebagai calon yang menang. **F** **G**

[38] Selain itu, peguam responden pertama menghujahkan penyerahan adalah tidak mengikuti peraturan wajib 3(2) PPPR yang menyatakan perlu ditinggalkan dua salinannya. Perkara ini ada ditimbulkan semasa penghujahan berkaitan bantahan awal di mana responden pertama memohon petisyen dibatalkan kerana penyerahan tidak sempurna. **H**

[39] Peguam Kanan Persekutuan (PKP) mewakili pihak responden kedua dan ketiga menyuarakan sentimen yang sama dengan saranan peguam responden **I**

pertama dalam hujahnya berkaitan dengan budi bicara pegawai pengurus pilihan raya. Peguam responden kedua dan ketiga berhujah, pegawai pengurus pilihan raya telah melaksanakan budi bicara yang diberikan kepadanya di bawah Peraturan 4(6A) PPPR, mengikut undang-undang apabila menolak bantahan ini berdasarkan keadaan ketika itu. Beliau mengemukakan kes *Hussein bin Ahmad v Tengku Razaleigh Hamzah* [1995] Case No 92 of Tunku Sofea Jewa's Malaysian Election Laws, ms 1550*, Chiew Chiu Sing v Datuk Celestine Ujang dan Sulaiman Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer* (Malaysian Election Laws Vol 3, ms 1762) di mana dalam kes-kes tersebut persoalan berkaitan dengan perlaksanaan budi bicara pegawai pengurus pilihan raya telah diputuskan secara kehakiman. Perkara yang perlu ada semasa menjalankan budi bicara adalah minda kehakiman dengan mempertimbangkan adakah dengan penerimaan kertas pencalonan itu ia adalah adil dan saksama. Mengikut PKP memandangkan bantahan yang dikemukakan dalam kes ini bersifat remeh, maka SD2 bertindak adil bila menolak bantahan dan tiada terdapat kekeliruan tentang tempat di mana responden pertama hendak bertanding.

[40] Berkaitan dengan penggunaan kes *Norbert Choong Kai Chong* sebagai sandaran kuat oleh pempetisyen, PKP juga sependapat dengan peguam responden pertama di mana kes tersebut telah diatasi dengan peruntukan undang-undang iaitu peraturan 4(6A) PPPR 1981. Peraturan 4(6A) tersebut belum wujud ketika *Norbert Choong Kai Chong* diputuskan. Hal ini diperkuatkan lagi dengan keputusan Hakim Pilihan Raya Dato' Azhar Maah dalam kes *Sulaiman bin Pengiran Atok* di mana rujukan kepada *Norbert Choong Kai Chong* dibuat secara jelas dan dinyatakan bahawa keputusan dalam *Norbert Choong Kai Chong* dibuat mengikut undang-undang pada masa itu.

[41] Berkaitan dengan keperluan memberi alasan bila menolak bantahan, PKP menghujahkan bahawa walaupun alasan diberikan atau tidak, tugas mahkamah adalah untuk menimbangkan keadaan keseluruhan kes untuk melihat sama ada keputusan menolak bantahan tersebut adalah betul dan wajar. Ini adalah kerana keputusan pegawai pengurus pilihan raya adalah berdasarkan budi bicara dan keputusan berdasarkan budi bicara mesti dilaksanakan secara kehakiman sama ada bantahan ditolak ataupun tidak. Secara alternatif dihujahkan per 4(6A) tidak membenarkan pegawai pengurus pilihan raya menolak kertas penamaan akibat perkataan mandatori berikut:

> a nomination paper shall not be rejected on account of

[42] Berkaitan dengan bantahan di mana 'Perak' ditulis dan bukannya 'N 37 Pantai Remis', PKP menghujahkan bahawa ini merupakan bantahan yang tidak boleh dikemukakan menurut proviso kepada peraturan 7(1)(b) dibaca dengan peraturan 4(6A) kerana tempat ditandingi dapat dikenal pasti daripada butir-butir pencadang dan penyokong yang wujud di kertas penamaan eks D1A tersebut. Sandaran adalah kes *Yusoff bin Abdul Latib*. Selain dari itu sebagai tambahan kepada dan sebagai perluasan dan tidak mengurangkan peruntukan

per 4(6A) juga secara berasingan dapat menyelamatkan kertas pencalonan responden pertama yang silap tersebut adalah peruntukan di bawah peraturan 28 PPPR. Peruntukan ini telah diterima pakai dalam kes *Yusoff bin Abdul Latib*.

[43] Bersabit dengan bantahan kedua pempetisyen mengenai pemindaan maklumat di kertas pencalonan, PKP menghujahkan bahawa keputusan SD2 menolak bantahan ini adalah betul. Ini adalah kerana bantahan ini tidak tersenarai sebagai asas-asas bantahan yang dibenarkan oleh per 7(1) PPPR. Hanya bantahan berdasarkan asas-asas yang dinyatakan dalam per 7 sahaja boleh dikemukakan terhadap kertas pencalonan. Dengan itu keputusan pegawai pengurus pilihan raya yang mengatakan bahawa tindakan calon tidak memberi kesan kepada kedudukan pencalonan yang telah dikemukakan adalah betul. Atas isu yang sama juga dihujahkan bahawa budi bicara pegawai pengurus pilihan raya untuk menolak kertas pencalonan di bawah per 4(6) adalah dihadkan kepada situasi-situasi yang dinyatakan dalam sub peraturan (3), (4) ataupun (5) sahaja. Peraturan 6(3) yang didakwa dilanggari itu tidak termasuk dalam mana-mana peraturan tersebut. Jadi penggantungan pempetisyen ke atas per 6(3) untuk menyokong bantahan beliau adalah tersalah letak dan suatu salah tanggapan di sisi undang-undang.

[44] Sebagai menjawab hujah pempetisyen bahawa tindakan responden pertama memasukkan perkataan 'N 37 Pantai Remis' selepas pukul 10.00 pagi adalah suatu kesalahan atau tidak adalah dihujahkan bahawa hujah pempetisyen tersebut adalah suatu salah tanggapan di sisi undang-undang kerana perkara ini di luar bidang kuasa Hakim Pilihan Raya kerana ia terletak dalam bidang kuasa mahkamah jenayah. Tugas Hakim Pilihan Raya hanya memutuskan sama ada pemilihan seseorang calon dalam pilihan raya adalah sah atau terbatal. Mengikut PKP, perkara tersebut tidak diplidkan dalam petisyen.

[45] PKP selanjutnya menghujahkan bahawa pempetisyen gagal membuktikan bahawa wujud ketidakpatuhan peruntukan undang-undang bertulis berhubung dengan perjalanan pilihan raya sebagaimana peruntukan s 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya. Tanpa pembuktian ini, petisyen tidak boleh berjaya dan harus ditolak. Pempetisyen juga gagal membuktikan sekiranya ada ketidakpatuhan (yang mana dinafikan sekerasnya), ketidakpatuhan ini tidak menjejaskan keputusan pilihan raya. Hujah ini adalah sama seperti hujah peguam responden pertama.

[46] Atas isu dakwaan pempetisyen bahawa penerimaan secara salah kertas penamaan calon tersebut telah menyebabkan pempetisyen kehilangan haknya untuk dilaporkan terpilih tanpa pertandingan pada 13 Mac 2004, PKP membalas hujah dengan mengatakan pempetisyen gagal menunjukkan bahawa beliau sepatutnya menang dalam pilihan raya tersebut. Dalam menegaskan perkara ini PKP bersandarkan otoriti kes *Isahak Hamid v Mustapha* yang menyatakan 'election' merujuk kepada, "the many steps in a process whereby a candidate is returned from the issuing of a notification calling an election up to the

declaration of results. Nomination of candidate is only one such step in this process". Dalam kes tersebut mahkamah telah menjelaskan perbezaan antara "improper rejection of nomination" dan "improper acceptance of nomination" seperti berikut:

> In the former (improper rejection) the whole constituency was deprived of its right to vote for a candidate who was legally entitled to go to the poll. In the latter (improper acceptance) the two candidates were put up for election and everyone of the electorate had a chance to vote for the candidate of his choice.

[47] Prinsip ini telah diterima pakai dalam kes *Sulaiman bin Pengiran Atok* yang mengatakan:

> Therefore in the case of improper rejection the court may presume that the result of the election has been materially affected and may avoid the election. But in the latter case (improper acceptance) the petitioner must prove by affirmative evidence that the result has been materially affected.

[48] Daripada keterangan saksi-saksi saya dapati bahawa fakta kes bicara tidak rumit. Daripada hujah pihak-pihak juga, saya dapati kebanyakan fakta tidak dipertikaikan. Pada hemat saya, fakta yang dipertikaikan ialah mengenai keterangan pempetisyen yang beliau tidak tahu menahu siapa lawannya bila melihat kertas pencalonan eks D1A.

[49] Fakta keterangan mengenai keputusan oleh SD2 (RO) bahawa beliaulah yang membuat keputusan menolak bantahan pempetisyen juga dipertikai oleh pihak pempetisyen.

[50] Daripada keterangan lisan dan dokumentari serta dibantu oleh hujah bertulis berserta autoriti-autoriti dan serlahan hujah oleh peguam pihak-pihak dalam prosiding ini saya akan rumuskan alasan saya nanti. Oleh kerana faktanya jelas, maka prinsip undang-undang yang terpakai pada pertimbangan saya juga jelas.

[51] Peguam pempetisyen memohon mahkamah memihaknya dengan mengisytiharkan bahawa penolakan kedua-dua bantahan pempetisyen oleh SD2 tidak berlandaskan prinsip undang-undang yang betul. Beliau membuat saranan bahawa keputusan menolak bantahan bukan dibuat oleh SD2 malahan oleh SPR yang tidak mempunyai kuasa berbuat demikian. Di samping itu budi bicara yang digunakan adalah bukan saksama kerana tidak memberi sebab untuk setiap satu bantahan yang ditolak,

[52] Adalah dihujahkan oleh peguam Pempetisyen bahawa prinsip undang-undang yang terpakai seperti diputuskan dalam kes *Norbert Choong Kai Chong* dan beberapa kes Inggeris masih terpakai. Peguam pempetisyen berpendapat bahawa undang-undang pilihan raya adalah ketat. Jika salah satu salinan kertas pencalonan tidak tepat, maka kesemua kertas pencalonan turut terbatal. Oleh yang demikian, bantahan pempetisyen harus diterima. Justeru itu calon yang tinggal hanyalah pempetisyen yang patut diisytiharkan sebagai calon yang berjaya dalam 'uncontested election'.

[53] Peguam pempetisyen juga berhujah bahawa dalam keadaan sedemikian adalah keadaan yang menjejaskan keputusan pilihan raya atas alasan bahawa keputusan pilihan raya disentuh (terjejas) dengan pempetisyen menang tanpa bertanding jika SD2 menerima bantahan pempetisyen.

[54] Manakala peguam responden pertama dan responden kedua dan ketiga berhujah bahawa prinsip undang-undang yang diutarakan oleh peguam pempetisyen adalah undang-undang usang yang telah diganti dengan prinsip-prinsip terkini selepas Peruntukan Akta 1954 dan PPPR dipinda dengan tidak memberi budi bicara kepada RO untuk menolak kertas pencalonan jika calon tertinggal mengisi bahagian kawasan (lihat peruntukan 4(6A) PPPR). Lagipun dalam kes bicara ketidaktepatan pengisian kod kawasan dalam satu salinan kertas pencalonan tidak fatal kerana kepincangan sedemikian bukanlah teras (substantial) tetapi hanya 'form' sahaja.

[55] Saya bersetuju dengan hujah peguam-peguam pihak responden-responden dan mendapati bahawa hujah peguam pempetisyen tidak mempunyai asas.

[56] Pada pertimbangan saya, RO telah membuat keputusan yang betul. Saya menerima keterangannya bahawa beliau sendiri yang membuat keputusan selepas mendapat pandangan daripada SPR. SD2 sendiri yang menandatangani eks AB1 ms 10 & 11 yang menolak bantahan dan memberi alasan. Mahkamah tidak akan mempersoalkan penggunaan budi bicara SD2. Alasan yang diberi sudah cukup memuaskan. Lagipun bantahan pempetisyen tidak bermerit kerana pada hemat saya berdasarkan undang-undang terkini bantahan-bantahan pempetisyen tidak berasas lebih-lebih lagi bantahan pertama (lihat 7 PPPR).

[57] Dalam kes ini kertas pencalonan diterima dan pengundian telah selesai dan responden pertama telah menang dengan undian yang besar. Justeru itu ia telah menjadi 'contested election.' Oleh yang demikian pempetisyen telah gagal menunjukkan bagaimana penerimaan kertas pencalonan responden pertama boleh menjejaskan keputusan pilihan raya (lihat kes s 32(b) Akta).

[58] Saya juga tidak bersetuju dengan saranan peguam pempetisyen bahawa ia adalah 'uncontested election,' Pada pendapat saya, 'uncontested election' terjadi jika kertas pencalonan ditolak dan secara automatik calon (jika dua penjuru) yang tinggal diisytiharkan menang. Dalam kes bicara soal 'uncontested election' tidak berbangkit kerana pencalonan calon-calon diterima dan pengundian telah berjalan dengan sempurna.

[59] Pada hemat saya, SP1 tidak bercakap benar bila menyatakan beliau tidak tahu responden pertama adalah lawannya dalam kawasan N 37 kerana dalam kawasan Pantai Remis adalah kawasan Parlimen yang mempunyai dua kawasan negeri iaitu N 37 dan N 36. Jika dilihat dari keterangan dan dokumen-dokumen serta gambar-gambar yang dikemukakan, jelas bertentangan dengan dakwaannya. Adalah tidak dinafikan bahawa kertas pencalonan di luar dewan telah dilihat oleh agennya yang mengambil gambar. Oleh itu adalah tidak

keterlaluan bahawa agennya mengetahui siapa lawan SP1. Adalah janggal bagi SP1 tidak bertanya kepada agen siapa lawan beliau jika beliau tidak tahu siapa sebenarnya lawan beliau. Adalah kebiasaan atau lumrah bahawa seorang calon begitu 'excited' untuk tahu siapa lawannya dari sumber-sumber lain termasuk agennya. Pengetahuan agennya adalah dianggap sebagai pengetahuannya juga.

[60] Semasa disoal balas SP1 menyatakan dia berjabat tangan dengan responden pertama kerana pemberita-pemberita meminta beliau berbuat demikian.

[61] Keterangannya bercanggah bila beliau berkata, "walaupun saya shake hand responden pertama, tetapi saya tidak tahu dia lawan saya di Pantai Remis". Selepas itu beliau berkata, 'saya rasa pada masa saya shake hand dengan responden pertama dia adalah lawan saya di Pantai Remis'. Oleh yang demikian SP1 memang tahu yang responden pertama adalah lawannya, walaupun menafikannya. Ini diperkuatkan lagi bila beliau menulis nama responden pertama atas kertas bantahan.

[62] Adalah tidak dinafikan kertas pencalonan yang dipertikaikan tersebut telah diletak di papan tanda yang khusus yang bertanda kawasan N 37. Jika pihak responden kedua tidak dapat kenal pasti kawasan yang hendak ditandingi masakan kertas pencalonan tersebut diletak di papan bertanda N 37.

[63] Dalam soal balas SP1 juga bersetuju bahawa pencadang dan penyokong yang dinamakan dalam kertas pencalonan responden adalah pemilih-pemilih bagi N 37 Pantai Remis.

[64] Peruntukan peraturan 4(6A) PPPR telah diwujudkan khusus supaya Kertas Pencalonan tidak boleh ditolak oleh sebab seperti di bawah sub peraturan (c) yang berbunyi:

> "apa-apa kesilapan atau peninggalan berkenaan dengan mana-mana tempat yang dinyatakan dalam kertas penamaan itu, jika tempat itu selainnya dapat dikenal pasti secukupnya daripada butir-butir yang diberikan dalam kertas penamaan itu,"

[65] Peraturan ini tidak wujud semasa kes *Norbert Choong Kai Chong*. Pada pendapat saya, bila sesuatu peruntukan diwujudkan ia bermaksud memperbaikki keadaan sebelumnya yang mana kertas pencalonan ditolak begitu sahaja jika terdapat peninggalan atau kesilapan. Dengan adanya peraturan 4(6A)(c) tersebut kertas pencalonan tidak boleh lagi ditolak jika kawasan hendak ditandingi dapat dikenal pasti dari butir-butir dalam kertas pencalonan. Pada hemat saya butir-butir yang dimaksudkan termasuk nama pencadang dan penyokong yang dikehendaki undang-undang terdiri daripada pengundi berdaftar dalam kawasan calon ditandingi (lihat peraturan 4(4)(d) dan peraturan 28(1), (2) dan (3) PPPR). SD2 telah mengenal pasti kawasan dari butir-butir tersebut. Kertas pencalonan telah dilekat di papan bertanda N 37. Ini disahkan oleh saksi-saksi responden. Di samping itu nombor resit juga menunjukkan kawasan yang

dimasukkan ialah N 37. Dalam hal keadaan SD2 tidak boleh menolak kertas pencalonan responden pertama. Peruntukan 28 adalah peruntukan sampingan kepada peraturan 4(6A) PPPR. Penerimaan kertas pencalonan dalam keadaan tersebut adalah mandatori. Saya berpendapat ia amat jelas dan tidak perlu dibuat tafsiran lanjut.

[66] Mahkamah bila membuat tafsiran hendaklah mengambil kira hal keadaan sebelum dan selepas peruntukan baru diwujudkan. Mahkamah hendaklah melaksanakan hasrat penggubal undang-undang berkenaan. Pada pendapat saya tujuan diwujudkan peruntukan 4(6A) dan peruntukan 28 ialah untuk meremedikan keadaan yang begitu ketat tanpa mengira merit bersabit kesilapan mengisi kertas pencalonan sebagaimana terjadi dalam kes *Norbert Choong Kai Chong*. Keadaan ini dengan jelas diterangkan oleh Azhar Maah HMT dalam kes *Sulaiman bin Pengiran Atok v The Sabah State Election Officer & 2 Ors* dan Mohd Dzaiddin Abdullah HMT (ketika itu) dalam kes *Yusoff bin Abdul Latib*.

[67] Pada hemat saya, saranan peguam pempetisyen yang undang-undang pilihan raya hendaklah ditafsir secara ketat tidak boleh diterima. Dalam kes *Soon Kong Meng v Lee Thye* [1995] 3 MLJ 544. Peh Swee Chin HMP berkata mengenai tafsiran statut di halaman 547:

> In our view, words in a statute ought to be construed in a sense in which they best harmonize with the subject of the statute and in which also, the object of the statute is to be attained, even though sometimes the said sense is not strictly in accordance with the ordinary general meaning of the words used. The result from this is that any words in a statute, *in order for them to accord with the intention of the legislature, could be extended or restricted realistically as the case* may be, on their interpretation. (Penekanan ditambah).

[68] Berdasarkan fakta kes bicara, saya mengguna pakai prinsip pentafsiran statut seperti dikatakan oleh Peh Swee Chin HMP bagi memberi kesan kepada hasrat Parlimen dalam menggubal peruntukan terkini. Jika tidak kehendak peraturan 4(6A) (c) tidak akan tercapai dan menjadi sia-sia sahaja. Penerimaan kertas pencalonan responden pertama oleh SD2 dengan menolak bantahan pempetisyen adalah selaras dengan kehendak peruntukan 4(6A) dan peraturan 28 PPPR.

[69] Mengenai bantahan pertama pempetisyen, pada hemat saya bukan suatu isu kerana ia tidak mempunyai asas untuk bantahan tersebut dikemukakan. Oleh itu saya tidak akan memperkatakannya dengan terperinci. Atas isu ini saya bersependapat dengan hujah peguam-peguam responden-responden (lihat peraturan 7(b) PPPR). Bantahan pertama pempetisyen tidak terjatuh di bawah mana-mana sub peraturan 7(a) hingga (d) PPPR.

[70] Pada pertimbangan saya, pempetisyen gagal menunjukkan budi bicara yang digunakan oleh SD2 berlawanan dengan peruntukan Akta dan peraturan pilihan paya. Saya berpuas hati penolakkan bantahan-bantahan pempetisyen (Eks AB1 ms 8 & 9) adalah wajar dan selaras dengan peruntukan peraturan

4(6A) dan peraturan 28 PPPR. Kesilapan mengisi borang pencalonan (Eks D1A) dibaiki oleh kewujudan peraturan berkenaan. Ratio dalam *Norbert Choong Kai Chong* tidak terpakai lagi. Saya berpendapat sekiranya ketiga-ketiga kertas pencalonan silap diisi sekalipun bersabit kod kawasan oleh responden pertama, jika kawasan boleh dikenal pasti oleh SD2 daripada maklumat lain dalam borang-borang tersebut seperti kepastian mengenai status pencadang dan penyokong, Peraturan 4(6A) boleh menyelamat kecacatan kertas-kertas tersebut. Saya menerima pakai keputusan kes *Yusoff bin Abdul Latib.*

[71] Mengenai otoriti kes-kes Inggeris, Abdul Hamid Mohamad HMT (ketika itu) jelas memberi pandangan yang betul dalam kes *Ang Thye Chin v Chua Kow.*

[72] Daripada keterangan SP1 tidak terdapat bukti yang menunjukkan dengan penolakan bantahan ia boleh menjejas keputusan pilihan raya. Oleh kerana pempetisyen memfailkan petisyen di bawah peruntukan s 32(b) beliau hendaklah menunjukkan keadaan sedemikian. Oleh yang demikian, pempetisyen gagal menepati kehendak peruntukan s 32(b) Akta (lihat kes *Muib bin Talib v Dato' James Wong, Wan Hamid bin Tunku v Francis Loke* [1971] 1 MLJ 246*; Mohamed Jaafar v Sulaiman & Anor* [1970] 1 MLJ 18*; Ang Thye Chin v Chua Kow]*.

[73] Akhir sekali saya membuat kesimpulan tiada bukti sebarang ketidakpatuhan terhadap peruntukan PPPR oleh responden kedua bila menerima kertas pencalonan responden pertama. Penerimaan kertas pencalonan adalah di bawah budi bicara responden kedua selaras dengan peruntukan peraturan 4(6A) PPPR.

[74] Responden kedua telah menggunakan budi bicara beliau dengan betul bila menerima borang pencalonan responden pertama dan menolak kedua-dua bantahan pempetisyen.

[75] Kawasan yang ingin ditandingi responden pertama dapat dikenal pasti dengan secukupnya dari dokumen-dokumen sokongan lain yang perlu dikemukakan semasa proses pencalonan.

[76] Tiada bukti dikemukakan bahawa penerimaan borang pencalonan telah menjejaskan keputusan pilihan raya. Malah pempetisyen sendiri mengakui dalam keterangannya tiada salah laku dalam proses pilihan raya.

[77] Bantahan berdasarkan alasan-alasan di bawah peraturan 7 PPPR sahaja boleh dikemukakan terhadap sesuatu kertas pencalonan dan bantahan atas alasan lain tidak dibenarkan. Pempetisyen telah gagal menunjukkan alasan seperti dikehendaki oleh peraturan 7 berkenaan.

[78] Keputusan yang dibuat pegawai pengurus pilihan raya adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah kecuali terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan-peraturan pilihan raya dan ketidakpatuhan ini telah menjejaskan keputusan pilihan raya.

[79] Berbalik kepada remedi, saya berpendapat hanya satu remedi sahaja jika petisyen dibenarkan iaitu membatalkan keputusan raya dan pilihan raya kecil diadakan. Memandangkan s 35(c) Akta telah dimansuhkan dan nota rang undang-undang jelas menyatakan sedemikian (lihat nota penjelasan kepada rang undang-undang DR 7/2002 untuk kl 21 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954).

[80] Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya menolak petisyen ini dengan kos.

Petisyen ditolak.

Dilaporkan oleh I Izzuddin